



## KENYATAAN MEDIA PROGRAM SARINGAN PRIHATIN PERKESO BERMULA HARI INI

**KUALA LUMPUR – Program Saringan Prihatin (PSP) PERKESO** ke atas pekerja termasuk pekerja asing syarikat-syarikat dalam sektor yang dibenarkan beroperasi ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula hari ini.

Pendaftaran PSP PERKESO boleh dibuat melalui Portal PSP PERKESO di pautan <https://prihatin.perkeso.gov.my> menggunakan **Nombor Kad Pengenalan** pekerja atau **Nombor Keselamatan Sosial Pekerja Asing (KSPA)** bagi pekerja asing.

Saringan COVID-19 ini akan dilaksanakan secara **berperingkat**. Dalam **Fasa Pertama** yang bermula hari ini, saringan COVID-19 disediakan oleh penyedia perkhidmatan yang telah dilantik oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Saringan akan ditumpukan kepada pekerja yang perlu bekerja di zon berisiko jangkitan COVID-19. Dalam **Fasa Kedua** yang akan dimaklumkan kelak, saringan disediakan melalui panel Klinik PSP PERKESO.

PSP PERKESO adalah salah satu usaha mempromosikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang juga merupakan antara tunggak utama perlindungan keselamatan sosial bagi pekerja di negara ini. Program ini membolehkan pencarum PERKESO mengetahui sama ada mereka bebas COVID-19 atau tidak, dan mengambil langkah pencegahan yang lebih teliti agar kekal sihat sewaktu menjalankan tugas dalam tempoh PKP.

**Syarat dan prosedur saringan akan dipaparkan di <https://prihatin.perkeso.gov.my>, laman sesawang PERKESO, [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) dan juga media sosial rasmi PERKESO.** Ujian saringan COVID-19 ini disediakan secara **PERCUMA** kepada pekerja bagi majikan yang berdaftar dengan PERKESO.

Sebarang maklumat dan perkembangan terkini berkenaan program ini akan dihebahkan melalui saluran-saluran rasmi PERKESO seperti laman sesawang [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my), media sosial rasmi PERKESO serta Portal SeHAT, <https://sehat.perkeso.gov.my>

Untuk sebarang pertanyaan, boleh hubungi **1-300-22-8000 / 03-4264 5555 / 03-8091 5100** ATAU emel ke [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my).

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
27 APRIL 2020**

### **DISCLAIMER**

PERKESO tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung bagi apa-apa kerugian yang terbit dalam kontrak, tort atau sebaliknya atas penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN 2020 yang melibatkan PERKESO seperti Program Subsidi Upah, Program Pengekalan Pekerjaan dan Program Saringan Prihatin PERKESO atau program-program lain yang berkaitan dengannya dan tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung sekiranya penggunaan atau pendedahan apa-apa data oleh mana-mana pihak bagi tujuan tersebut dilakukan oleh mana-mana pihak yang tidak diberi kuasa secara bertulis oleh PERKESO. PERKESO memandang serius terhadap keselamatan data peribadi dan meminta semua pihak supaya mematuhi peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkait dengan perlindungan data peribadi.